SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2 (72)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

SAMBUTAN HARI RIZAB BIOSFERA ANTARABANGSA 2026
(INTERNATIONAL DAY FOR BIOSPHERE RESERVES 2026)

Tanggal 3 November merupakan tarikh yang telah ditetapkan oleh United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization (UNESCO) sebagai sambutan Hari Rizab Biosfera Antarabangsa (*International Day for Biosphere Reserves*) yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan melalui rizab biosfera di bawah Program Man and the Biosphere (MAB) di seluruh dunia.

Program MAB merupakan program saintifik antara Kerajaan di bawah UNESCO yang menetapkan asas saintifik bagi memperkukuh hubungan antara manusia dengan alam sekitar. Penglibatan Malaysia dalam program MAB ini melambangkan komitmen negara di peringkat antarabangsa, selari dengan Tindakan 8.5 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030, iaitu menambah bilangan kawasan berkepentingan global bagi pemuliharaan kepelbagaian biologi. Rizab biosfera juga menyokong dalam merealisasikan matlamat dan sasaran global di bawah Kerangka Kepelbagaian Biologi Global Kunming-Montreal (Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework, KMGBF).

Malaysia berbangga memiliki empat (4) rizab biosfera yang diiktiraf oleh UNESCO, iaitu Rizab Biosfera Tasik Chini, Pahang yang diiktiraf pada 26 Mei 2009 sebagai tapak rizab biosfera pertama di Malaysia, diikuti oleh Rizab Biosfera Banjaran Crocker, Sabah pada 12 Jun 2014; Rizab Biosfera Bukit Bendera, Pulau Pinang pada 15 September 2021; dan Rizab Biosfera Kinabatangan, Sabah pada 27 September 2025.

Keempat-empat tapak rizab biosfera Malaysia adalah sebahagian daripada 797 tapak daripada 145 negara dalam jaringan World Network of Biosphere Reserves (WNBR) yang mempromosikan pendekatan inovatif dalam pembangunan lestari yang harmoni antara manusia dan alam. Ciri-ciri rizab biosfera yang membataskan kawasan teras (*core area*), zon penampan (*buffer zone*) dan kawasan peralihan (*transition area*) menjadikan rizab biosfera ini sebagai tapak pembelajaran yang

sesuai dalam menterjemah usaha-usaha pemuliharaan, pembangunan lestari serta jaringan penyelidikan antarabangsa.

Dengan keluasan keseluruhan berjumlah 786,073.62 hektar, kesemua rizab biosfera di Malaysia memainkan peranan penting sebagai kawasan demonstrasi pengurusan mampan yang mengimbangi kepentingan pemuliharaan biodiversiti dengan pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat setempat. Melalui pendekatan pengezonan yang jelas, usaha pemuliharaan alam semula jadi dapat dilaksanakan seiring dengan aktiviti pembangunan sosioekonomi secara inovatif dan mampan.

Pengiktirafan oleh UNESCO boleh meningkatkan profil dan daya tarikan kawasan rizab biosfera sebagai destinasi ekopelancongan, sekali gus membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat. Contohnya seperti aktiviti memerhati haiwan endemik dan terancam seperti orang utan Borneo, gajah Borneo dan monyet bangkatan di sekitar Rizab Biosfera Kinabatangan, Sabah. Selain itu, pelaksanaan program seperti pensijilan jurupandu eko-warisan di Rizab Biosfera Bukit Bendera, Pulau Pinang mampu memperkukuh keupayaan jurupandu dalam menyampaikan pengetahuan mengenai biodiversiti dan warisan setempat. Inisiatif seumpama ini bukan sahaja menyokong pembangunan pelancongan mampan, malah turut meningkatkan kesedaran dan memupuk tanggungjawab bersama dalam kalangan masyarakat serta pengunjung terhadap kepentingan pemuliharaan khazanah alam semula jadi negara.

Sempena Hari Rizab Biosfera Antarabangsa 2026, NRES menyeru semua Kerajaan Negeri untuk mencalonkan tapak-tapak baharu yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tapak rizab biosfera di Malaysia. Kementerian akan sentiasa mendukung usaha murni ini dalam memastikan kekayaan khazanah biodiversiti dilindungi dan dipelihara untuk generasi akan datang.

Selamat Menyambut Hari Rizab Biosfera Antarabangsa 2026.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
3 NOVEMBER 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763